

**Prof. Dato' Dr. Mazlin bin Mokhtar**  
**Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)**



Rujukan : UKM PPI/222/2  
Tarikh : 12 Oktober 2015

YBhg. Prof. Dr. Heng Swee Huay  
Naib Presiden (Penyelidikan dan Pembangunan)  
Universiti Multimedia

03 - 8312 5931

Y.Bhg. Prof.,

**JEMPUTAN MENYERTA PERTANDINGAN BICARA TUNTAS BERSEMPENA  
KONGRES PENYELIDIKAN DAN INOVASI UKM 2015**

Saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kongres Penyelidikan dan Inovasi UKM 2015 yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) akan diadakan pada 7 Disember 2015 dengan tema "**Inspirasi Pemangkin Inovasi**". Salah satu program tarikan pada hari tersebut adalah Pertandingan Bicara Tuntas yang melibatkan tiga kategori iaitu :

- (i) pelajar prasiswazah;
- (ii) pascasiswazah; dan
- (iii) penyelidik pasca doktoral.

Bersama - sama ini disampaikan Garis Panduan Pertandingan Bicara Tuntas (Lampiran A) dan Borang Penyertaan Bicara Tuntas (Lampiran B), untuk tindakan Y.Bhg. Prof.

Sukacita juga saya ingin memaklumkan bahawa setiap Institut Pengajian Tinggi boleh membuat pemilihan dan mencalonkan seorang pelajar dari mana-mana kategori yang dipertandingkan dengan melengkapkan borang yang dilampirkan dan dikemukakan kepada CRIM sebelum atau pada 12 November 2015 (Khamis).

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sukacita Y.Bhg. Prof., dapat menghubungi Urusetia CRIM di talian 03 – 8921 5102 (Encik Mohd Najib bin Adun) atau emel [urusetia.kongresukm@gmail.com](mailto:urusetia.kongresukm@gmail.com)

Kerjasama YBhg. Dato', dalam menjayakan Kongres Penyelidikan UKM 2015  
didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Salam hormat.

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. MAZLIN BIN MOKHTAR FASc, FMIC**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi  
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k

- YBhg. Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali  
Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- YBhg. Prof. Dr. Muhammad Fauzi Mohd. Zain  
Pengarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

:berlampir